



**Suruhanjaya  
Kredit Pengguna**  
*Consumer Credit Commission*



# Standard Pelesenan dan Pendaftaran

Diterbitkan pada 5 Jun 2026  
Versi 1.0

## Standard Pelesenan dan Pendaftaran

Versi	Tarikh penerbitan	Tarikh kuat kuasa	Nombor siri
1.0	5 Jun 2026	05 Jun 2026 <sup>1</sup>	SKP-S-AS-2026-01

<sup>1</sup> Kecuali bagi kehendak berikut, yang akan berkuat kuasa dari tarikh pelesenan atau pendaftaran suatu entiti:

- Dalam tempoh enam bulan: Perenggan 13.4, yang menghendaki penyerahan data aduan kepada SKP.
- Dalam tempoh 12 bulan: Perenggan 13.6, yang menghendaki penyerahan data pengguna kredit kepada agensi pelaporan kredit.

<b>BAHAGIAN I: GAMBARAN KESELURUHAN .....</b>	<b>1</b>
1. Pengenalan.....	1
2. Pemakaian dan tarikh kuat kuasa .....	3
3. Peruntukan undang-undang .....	4
4. Tafsiran.....	5
<b>BAHAGIAN II: KRITERIA PELESENAN DAN PENDAFTARAN .....</b>	<b>8</b>
5. Kehendak am.....	8
6. Kehendak khusus mengikut jenis perniagaan.....	16
7. Kehendak khusus untuk perniagaan kredit Islam .....	17
<b>BAHAGIAN III: PENGISYTIHARAN MENURUT SEKSYEN 79 AKP.....</b>	<b>25</b>
8. Ketidapkakaian kehendak pelesenan atau pendaftaran .....	25
<b>BAHAGIAN IV: PROSES PERMOHONAN .....</b>	<b>27</b>
9. Proses permohonan pelesenan dan pendaftaran .....	27
10. Prosedur penyerahan .....	29
11. Kehendak kesahihan, ketepatan dan kesempurnaan penyerahan .....	31
<b>BAHAGIAN V: OBLIGASI PASCA PELESENAN DAN PENDAFTARAN .....</b>	<b>32</b>
12. Syarat-syarat pelesenan atau pendaftaran .....	32
13. Penyerahan pasca pelesenan dan pendaftaran .....	33
<b>BAHAGIAN VI: FI .....</b>	<b>36</b>
14. Fi perlu dibayar .....	36
<b>BAHAGIAN VII: PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN, DAN PEMBERHENTIAN .....</b>	<b>40</b>
15. Pembatalan atau penggantungan lesen dan pendaftaran .....	40
16. Pemberhentian perniagaan .....	41
<b>LAMPIRAN: KRITERIA MINIMUM LAYAK DAN SESUAI .....</b>	<b>42</b>

## BAHAGIAN I: GAMBARAN KESELURUHAN

### 1. Pengenalan

- 1.1 Akta Kredit Pengguna 2025 (“AKP”) ditadbir oleh Suruhanjaya Kredit Pengguna (“SKP”), yang bertanggungjawab mengawal selia perkara berkaitan kredit pengguna, menggalakkan amalan yang adil dan profesional dalam kalangan peserta industri di bawah bidang kuasa SKP, serta membangunkan industri kredit pengguna yang teratur dan dipercayai serta diyakini orang awam.
- 1.2 Di bawah AKP, entiti yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan kredit hendaklah mendapatkan lesen, manakala entiti yang ingin menjalankan perkhidmatan kredit mesti berdaftar dengan SKP. Menjalankan apa-apa aktiviti yang dikawal selia oleh SKP di Malaysia tanpa lesen atau pendaftaran yang sah mengikut AKP merupakan suatu kesalahan.
- 1.3 Tanpa mengetepikan perenggan 1.2, pihak berikut tidak tertakluk kepada kehendak pelesenan atau pendaftaran:
  - (a) Pihak yang dinyatakan di dalam Jadual 5 AKP; dan
  - (b) Entiti yang menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang tidak melibatkan pengguna kredit. Entiti tersebut mesti mengemukakan perisytiharan tahunan kepada SKP mengikut seksyen 79(2) AKP berhubung dengan penglibatan dalam aktiviti yang dikawal selia. Butiran lanjut berhubung dengan ketidakpakaian kehendak pelesenan atau pendaftaran dinyatakan dalam Bahagian III.
- 1.4 Standard Pelesenan dan Pendaftaran menerangkan kehendak pelesenan dan pendaftaran untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan yang berkaitan mengikut AKP. Standard ini mesti dibaca bersama dengan Standard Pelakuan, peraturan yang berkenaan, serta standard atau garis panduan lain yang dikeluarkan oleh SKP.
- 1.5 Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini antara lain memperincikan—
  - (a) kehendak pelesenan bagi entiti yang menjalankan perniagaan kredit sebagai pemberi kredit;
  - (b) kehendak pendaftaran bagi entiti yang menjalankan perniagaan perkhidmatan kredit sebagai pemberi perkhidmatan kredit;
  - (c) kehendak khusus mengikut jenis perniagaan;
  - (d) proses permohonan, dokumen yang diperlukan, serta fi yang dikenakan bagi pelesenan atau pendaftaran entiti menurut AKP; dan
  - (e) kewajipan berterusan terhadap entiti berlesen atau berdaftar, termasuk syarat pelesenan atau pendaftaran bagi perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit.
- 1.6 Kandungan dokumen ini tertakluk kepada semakan dan kemas kini untuk memastikan standard kekal relevan dan selaras dengan sebarang perkembangan pengawalseliaan, operasi atau strategik.

## Aktiviti sampingan

- 1.7 Suatu entiti berlesen atau berdaftar tidak perlu mendapatkan lesen atau pendaftaran tambahan bagi aktiviti yang bersifat sampingan atau pelengkap kepada aktiviti dikawal selia yang telah dilesenkan atau berdaftar menurut AKP. Suatu aktiviti yang dikawal selia merupakan aktiviti sampingan sekiranya ia—
- (a) memenuhi kehendak perniagaan dalaman semata-mata, bukan untuk mana-mana pihak luaran, termasuk perbadanan berkaitan dan syarikat bersekutu;
  - (b) bersifat sekunder dan wujud hanya untuk menyokong aktiviti utama yang dikawal selia; dan
  - (c) tidak mewakili sebahagian besar daripada operasi atau hasil pendapatan entiti tersebut.

### ***Ketahui lebih lanjut tentang...***

#### **Aktiviti sampingan dalam entiti yang sama**

Penyedia skim beli sekarang bayar kemudian (BNPL) dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pemungutan hutang secara dalaman untuk menguruskan pelanggannya sendiri. Walaupun entiti BNPL perlu memegang lesen untuk menjalankan aktiviti perniagaan kreditnya, namun aktiviti pemungutan hutang secara dalaman boleh dianggap sebagai aktiviti sampingan dan tidak memerlukan pendaftaran berasingan daripada SKP sebagai pemberi perkhidmatan kredit sekiranya aktiviti pemungutan hutang tersebut terhad kepada pelanggan BNPL entiti itu sendiri sahaja. Tambahan, entiti BNPL tersebut tidak boleh mempromosikan dirinya sebagai agensi pemungutan hutang atau menawarkan perkhidmatan pemungutan hutang kepada mana-mana pihak ketiga.

## 2. Pemakaian dan tarikh kuat kuasa

- 2.1 Standard Pelesenan dan Pendaftaran terpakai kepada-
- (a) entiti berlesen atau berdaftar sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 4.2; dan
  - (b) entiti yang berhasrat untuk menjalankan jenis perniagaan berikut:

### Senarai 1: Jenis perniagaan

<b>Perniagaan kredit</b> (termasuk perniagaan kredit Islam)	Skim beli sekarang bayar kemudian (Skim <i>buy now lay later</i> , BNPL)
	Pemfaktoran
	Pemajakan
<b>Perniagaan perkhidmatan kredit</b>	Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas
	Pemungutan hutang
	Kaunseling dan pengurusan hutang

- 2.2 Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini berkuat kuasa pada 5 Jun 2026.

### 3. Peruntukan undang-undang

3.1 Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini diterbitkan menurut seksyen 123 AKP.

## 4. Tafsiran

4.1 Istilah yang digunakan dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini hendaklah mempunyai erti yang sama sepertimana ditakrifkan dalam AKP, melainkan jika ditakrifkan sebaliknya.

4.2 Dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini:

“**AKP**” merujuk kepada Akta Kredit Pengguna 2025;

“**aturan penyumberluaran**” merujuk kepada pengatur<sup>2</sup> di mana sesuatu fungsi dilaksanakan secara berterusan<sup>3</sup> oleh penyedia perkhidmatan bagi pihak entiti berlesen atau berdaftar;

“**agensi pelaporan kredit**” merujuk kepada pihak yang menjalankan perniagaan pelaporan kredit dan didaftarkan menurut seksyen 14(2) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;

“**BNM**” merujuk kepada Bank Negara Malaysia, iaitu badan korporat yang sama seperti yang dirujuk dalam seksyen 3 Akta Bank Negara Malaysia 2009;

“**BNPL**” merujuk kepada skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual 2 AKP. Bagi tujuan Standard Pelesenan dan Pendaftaran, hal ini termasuk BNPL Islam atau patuh Syariah;

“**Dana Perniagaan Kredit Islam**” atau “**ICBF**” (*Islamic Credit Business Fund*) merujuk kepada dana patuh Syariah yang ditubuhkan oleh pemberi kredit konvensional berlesen, diluluskan untuk menjalankan perniagaan kredit Islam di samping perniagaan konvensional.

“**entiti berlesen atau berdaftar**” merujuk kepada pemberi kredit atau pemberi perkhidmatan kredit bukan bank yang dikawal selia oleh SKP, yang menjalankan mana-mana atau gabungan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit berikut:

- (a) Skim beli sekarang bayar kemudian atau “BNPL” (termasuk BNPL Islam);
- (b) Pemfaktoran (termasuk pemfaktoran Islam);
- (c) Pemajakan (termasuk pemajakan Islam);
- (d) Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas;
- (e) Pemungutan hutang; atau
- (f) Kaunseling dan pengurusan hutang;

“**individu utama**” secara kolektif merujuk kepada—

- (a) pengawal pegangan saham, yang merangkumi korporat dan individu;
- (b) pengarah; dan
- (c) pengurusan kanan, termasuk individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan;

<sup>2</sup> Tidak termasuk perkhidmatan perundingan seperti khidmat guaman dan percukaian, atau perkhidmatan sokongan umum seperti pembersihan pejabat, penyelenggaraan bangunan dan utiliti.

<sup>3</sup> Merujuk kepada pelaksanaan fungsi secara berulang atau berterusan oleh penyedia perkhidmatan. Ini tidak termasuk pelantikan bagi tugas sekali sahaja (*one-off*), contohnya, perunding untuk projek migrasi data.

**“lembaga pengarah”** merujuk kepada barisan pengarah bagi entiti berlesen atau berdaftar, termasuk sebarang jawatankuasa pengarah yang telah diberikan kuasa dan tanggungjawab oleh lembaga pengarah utama tersebut. Walau bagaimanapun, lembaga pengarah utama kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kuasa dan tanggungjawab yang diwakilkan kepada jawatankuasa tersebut;

**“pemajakan”** merujuk kepada kontrak pemajakan, seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 AKP, dimana kontrak tertakluk kepada tempoh pemajakan minimum tiga bulan. Ini termasuk pemajakan Islam yang juga ditetapkan dalam jadual yang sama;

**“pemberi kredit”** merujuk kepada suatu pihak yang menjalankan sebarang perniagaan kredit sebagaimana ditakrifkan dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran dan dilesenkan oleh SKP untuk menjalankan perniagaan tersebut;

**“pemberi kredit Islam”** merujuk kepada suatu pihak yang menjalankan sebarang perniagaan kredit sebagaimana ditakrifkan dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran menurut prinsip Shariah, dan diberi kuasa oleh SKP untuk menjalankan perniagaan tersebut;

**“pemberi perkhidmatan kredit”** merujuk kepada suatu pihak yang menjalankan sebarang perniagaan kredit sebagaimana ditakrifkan dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran dan didaftarkan oleh SKP untuk menjalankan perniagaan tersebut;

**“pengguna kredit”** merujuk kepada mana-mana individu atau entiti berikut:

- (a) Seseorang individu yang mendapat, telah mendapat atau berhasrat untuk mendapatkan kredit sepenuhnya atau sebahagian besarnya bagi tujuan persendirian, domestik atau isi rumah;
- (b) Seseorang yang merupakan pengusaha perusahaan mikro atau kecil<sup>4</sup> yang mendapat, telah mendapat atau berhasrat untuk mendapatkan kredit, yang mana kredit tersebut tidak melebihi RM300,000;
- (c) Mana-mana individu atau golongan, kategori atau perihalan individu lain sebagaimana yang ditentukan oleh SKP; dan
- (d) Seseorang individu yang bertindak sebagai penjamin sosial, bukan bagi maksud membuat keuntungan, kepada pengguna kredit di bawah perenggan (a), (b) atau (c) berkenaan dengan suatu perjanjian kredit yang tertakluk kepada AKP.

**“perniagaan kredit”** merujuk kepada sebarang perniagaan yang berikut dan, bagi tujuan Standard Pelesenan dan Pendaftaran ini, termasuk perniagaan kredit Islam atau patuh Shariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual 2 AKP:

- (a) BNPL;
- (b) Pemfaktoran; atau
- (c) Pemajakan;

<sup>4</sup> Seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan bagi Definisi PKS yang diterbitkan oleh SME Corporation Malaysia pada bulan Mac 2026, termasuk sebarang pindaan atau pengubahsuaian yang dibuat.

**“perniagaan perkhidmatan kredit”** merujuk kepada sebarang perniagaan yang menyediakan perkhidmatan berkaitan kredit, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual 3 AKP:

- (a) Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas;
- (b) Pemungutan hutang; atau
- (c) Kaunseling dan pengurusan hutang;

**“Sistem CORE”** merujuk kepada Sistem *Consumer Credit Commission Online Regulatory* (CORE) iaitu sistem pengawalseliaan dalam talian SKP;

**“SKP”** merujuk kepada Suruhanjaya Kredit Pengguna atau *Consumer Credit Commission*.

## BAHAGIAN II: KRITERIA PELESENAN DAN PENDAFTARAN

### 5. Kehendak am

#### Am

- 5.1 Dalam menilai permohonan bagi lesen atau pendaftaran, SKP akan mempertimbangkan keupayaan pemohon untuk menyumbang secara bermakna kepada ekosistem kredit pengguna, tanpa menjejaskan kepentingan pengguna kredit, dan menyokong persekitaran kredit pengguna yang dikawal selia dengan baik.
- 5.2 Pemohon untuk pelesenan atau pendaftaran menurut AKP mesti menunjukkan keupayaan dan kecekapan dalam menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, termasuk keupayaan untuk mematuhi kriteria berikut:
  - (a) Kecukupan kewangan;
  - (b) Kehendak organisasi; dan
  - (c) Kelayakan dan kesesuaian individu utama.

#### ***Ketahui lebih lanjut tentang...***

##### **Kriteria kelayakan**

Pemohon hendaklah memenuhi kehendak kelayakan pada:

- (a) **Peringkat entiti:** sesuatu entiti mestilah menyediakan kawalan dalaman, sistem, dasar dan prosedur yang dkehendaki, serta mempunyai sumber kewangan yang mencukupi; dan
- (b) **Peringkat individu:** individu utama yang menguruskan dan mempengaruhi hala tuju perniagaan entiti mestilah layak dan sesuai.

- 5.3 Pemohon hendaklah mengemukakan dalam permohonannya tujuan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, pengalaman dan kepakaran yang relevan untuk menjalankan perniagaan tersebut, butiran operasi yang dicadangkan, penawaran produk, unjuran kewangan, serta apa-apa dokumen atau maklumat lain yang mungkin ditentukan oleh SKP dari semasa ke semasa.
- 5.4 Sesuatu entiti hanya boleh memohon lesen atau pendaftaran bagi perniagaan yang ingin dijalankan dalam masa terdekat, dan bukan bagi potensi perniagaan masa hadapan. Sekiranya berlaku perubahan perniagaan, seperti peluasan untuk merangkumi jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang lain, entiti tersebut mesti memohon lesen atau pendaftaran tambahan bagi perniagaan baharu tersebut. Kehendak ini tidak terpakai kepada aktiviti sampingan, sebagaimana yang diterangkan dalam perenggan 1.7.
- 5.5 SKP boleh menolak permohonan pelesenan atau pendaftaran sekiranya, antara lain, pemohon gagal memenuhi mana-mana kehendak SKP, termasuk apabila didapati bahawa pemohon tidak layak dan sesuai untuk menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, atau jika mana-mana individu utamanya adalah tidak layak dan sesuai.

## Kehendak kewangan minimum

- 5.6 Entiti berlesen atau berdaftar mesti pada setiap masa mematuhi ambang kewangan berkenaan yang digariskan dalam Senarai 2.

### Senarai 2: Kehendak kewangan minimum

Jenis perniagaan		Ambang kewangan
Perniagaan kredit (termasuk perniagaan kredit Islam)	BNPL	Dana pemegang saham atau jumlah ekuiti RM2 juta.
	Pemfaktoran	
	Pemajakan	
Perniagaan perkhidmatan kredit	Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas	Dana pemegang saham atau jumlah ekuiti RM500,000; <b>atau</b> Dana pemegang saham atau jumlah ekuiti sebanyak RM250,000 dan perlindungan insurans ganti rugi profesional sebanyak RM250,000.
	Pemungutan hutang	
	Kaunseling dan pengurusan hutang	

- 5.7 Sekiranya suatu entiti dilesenkan atau didaftarkan untuk menjalankan lebih daripada satu jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit atau mana-mana gabungan kedua-duanya, entiti tersebut hendaklah tertakluk kepada **ambang kewangan yang lebih tinggi**.
- 5.8 Dalam menilai kecukupan kewangan, SKP akan mempertimbangkan keupayaan pengawal pemegang saham (*controller*) pemohon dan, jika berkaitan, pemegang saham yang lain untuk menyediakan sokongan kewangan secara kolektif dan berterusan bagi membiayai operasi perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit.

## Kehendak organisasi

### Penubuhan entiti

- 5.9 Pemohon yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit mestilah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia menurut Akta Syarikat 2016.
- 5.10 Entiti berlesen atau berdaftar mesti memastikan bahawa nama entiti perniagaan dan jenama atau nama dagangannya tidak—
- memberikan gambaran bahawa entiti menawarkan produk atau perkhidmatan luar daripada skop yang diberi kuasa; atau
  - mengandungi apa-apa frasa yang mengelirukan atau melampau tentang perkhidmatan yang ditawarkan.

***Ketahui lebih lanjut tentang...***

**Nama entiti perniagaan**

Suatu pemberi perkhidmatan kredit tidak wajar menggunakan nama seperti "Perkhidmatan Jaminan Kelulusan Pinjaman Sdn Bhd" kerana nama tersebut memperdaya dan membayangkan bahawa entiti tersebut menawarkan pinjaman kepada pengguna kredit, sedangkan pemberian kredit tidak terangkum dalam skop pemberi perkhidmatan kredit.

Selanjutnya, nama sedemikian juga tidak boleh digunakan oleh pemberi kredit kerana ia memberi gambaran bahawa kelulusan pinjaman adalah terjamin, yang merupakan suatu keterlaluan atau gambaran yang tidak tepat mengenai perkhidmatan sebenar yang ditawarkan. Prinsip pemberian pinjaman secara bertanggungjawab menetapkan bahawa kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada faktor seperti kelayakan kredit dan kestabilan sumber pendapatan peminjam.

***Pengurusan perniagaan yang baik***

- 5.11 Suatu pemohon mesti mematuhi kriteria minimum layak dan sesuai sepertimana dinyatakan dalam lampiran, serta memastikan kelangsungan perniagaan dalam menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit melalui pengurusan perniagaan yang kukuh.

***Ketahui lebih lanjut tentang...***

**Pengurusan perniagaan yang kukuh**

Pengurusan perniagaan yang kukuh ialah penerapan prinsip-prinsip yang mencukupi dan berhemat dalam proses merancang, mengatur dan mengawal aktiviti serta sumber perniagaan. Tujuannya adalah untuk mencapai objektif perniagaan yang diinginkan dan memastikan kelangsungan perniagaan.

Contoh pengurusan perniagaan yang kukuh:

- (a) Mempunyai visi, misi, nilai, dan budaya korporat yang jelas sebagai panduan dan pelaksanaan perniagaan.
- (b) Menetapkan matlamat yang realistik dan boleh diukur untuk memenuhi misi perniagaan.
- (c) Merancang dan mengatur aktiviti, proses, dan sistem secara logik, cekap, dan berkesan, dengan mengambil kira kawalan dalaman yang mencukupi serta sumber dan kekangan yang ada.
- (d) Memastikan perniagaan mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan standard atau garis panduan yang terpakai.

Untuk menyokong objektif perniagaan, kerangka kawalan dalaman yang berkesan diperlukan untuk mencegah fraud, menguruskan konflik kepentingan, menggalakkan pelaksanaan profesional, menjamin kecekapan operasi, dan memupuk budaya korporat yang mengutamakan layanan adil kepada pengguna kredit.

### **Kecekapan organisasi**

- 5.12 Untuk menunjukkan kecekapan organisasi, pemohon mesti memberikan butiran yang dikehendaki, termasuk tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut:
- (a) Pemilikan
    - (i) Struktur pemilikan lengkap entiti, daripada pegangan saham langsung sehingga pemilik benefisial muktamad<sup>5</sup>;
    - (ii) Profil pemegang saham korporat dan individu (secara langsung dan tidak langsung); dan
    - (iii) Struktur korporat keseluruhan yang merangkumi anak syarikat dan syarikat bersekutu, mana yang berkenaan;
  - (b) Struktur entiti dan organisasi
    - (i) Profil korporat, dengan misi, matlamat, visi, dan sejarah perniagaan;
    - (ii) Komposisi lembaga pengarah, pengurusan kanan, dan struktur organisasi;
    - (iii) Dasar dan prosedur berkaitan yang mengawal operasi, seperti yang digariskan dalam Bab 6; dan
    - (iv) Profil individu utama, termasuk maklumat tentang kelayakan dan pengalaman serta peranan dan tanggungjawab mereka; dan
  - (c) Kelangsungan perniagaan
    - (i) Pelan perniagaan untuk dua tahun akan datang, termasuk objektif, pasaran sasaran, penawaran produk, dan strategi; dan
    - (ii) Unjuran kewangan dua tahun (ramalan untung rugi) berserta asas bagi setiap andaian.

### **Aturan penyumberluaran (*Outsourcing arrangements*)**

- 5.13 Entiti berlesen atau berdaftar tidak boleh menyumberluar mana-mana fungsi yang boleh membawa kepada penyerahan pengawasan dan tanggungjawab pengurusan atau menjejaskan keberkesanan serta integriti kawalan dalaman.
- 5.14 Sebelum membuat apa-apa aturan penyumberluaran dengan penyedia perkhidmatan, entiti berlesen atau berdaftar hendaklah memastikan bahawa—
- (a) kelulusan terlebih dahulu diperoleh daripada pihak pelulus dalaman yang berkenaan;
  - (b) terdapat pengawasan yang berkesan terhadap aturan penyumberluaran, merangkumi usaha wajar yang menyeluruh dan pemantauan berterusan terhadap penyedia perkhidmatan. Hal ini termasuk menilai keupayaan penyedia perkhidmatan, rekod prestasi, kecukupan sumber, serta pematuhan terhadap peraturan dan standard yang terpakai; dan

<sup>5</sup> Pemegang saham langsung ialah individu atau organisasi yang memiliki kepentingan ekuiti secara langsung dalam sesuatu entiti. Pemegang saham langsung merupakan peringkat pertama pemilikan tanpa mengira kelas saham atau hak mengundi. Pemegang saham muktamad atau pemilik benefisial muktamad merujuk kepada individu yang akhirnya memiliki entiti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui rantaian pemilikan. Pemegang saham muktamad ialah peringkat tertinggi pemilikan dan tidak semestinya mempunyai hak mengundi dalam entiti tersebut.

- (c) skop dan fungsi yang akan disumberluar tidak akan menjejaskan kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Entiti berlesen atau berdaftar hendaklah memastikan aturan penyumberluaran tersebut—
    - (i) tidak mengurangkan kuasanya untuk membuat keputusan kritikal;
    - (ii) tidak menjejaskan reputasi, integriti, atau kredibiliti entiti;
    - (iii) mematuhi semua kehendak pengawalseliaan dan penyeliaan yang berkenaan;
    - (iv) merangkumi pelan kesinambungan perniagaan yang mencukupi sekiranya berlaku gangguan pada penyedia perkhidmatan; dan
    - (v) ditadbir melalui perjanjian bertulis yang boleh dikuatkuasakan secara sah (seperti perjanjian aras perkhidmatan atau *service level agreement*), yang antara lain mesti mengandungi perincian perkhidmatan yang disediakan, matlamat khusus prestasi perkhidmatan yang boleh diukur, peranan dan tanggungjawab penyedia perkhidmatan, serta langkah-langkah melindungi maklumat dan data sensitif.
- 5.15 Entiti berlesen atau berdaftar kekal bertanggung dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala aturan penyumberluaran.
- 5.16 Lembaga pengarah dan pengurusan kanan hendaklah menjalankan semakan berkala untuk meningkatkan daya tahan operasi entiti berlesen atau berdaftar serta memastikan pematuhan terhadap kehendak pengawalseliaan.

### **Kelayakan dan kesesuaian individu utama**

#### ***Obligasi layak dan sesuai (fit and proper obligations)***

- 5.17 Individu utama dalam entiti berlesen atau berdaftar berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi keputusan terhadap perniagaan entiti. Oleh itu, individu utama ini mesti mematuhi kriteria minimum layak dan sesuai seperti yang dinyatakan dalam lampiran, yang berdasarkan faktor utama berikut:
- (a) Kejujuran, integriti, perwatakan, dan reputasi;
  - (b) Kecekapan dan keupayaan; dan
  - (c) Integriti kewangan
- 5.18 Beban untuk membuktikan bahawa entiti dan individu utama adalah layak dan sesuai terletak pada pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar. Pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar hendaklah menunjukkan dan memberikan justifikasi, berserta dengan dokumen atau maklumat berkaitan kepada SKP melalui permohonan atau pengemukaan, yang mengesahkan bahawa entiti tersebut adalah layak dan sesuai untuk menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, dan individu utamanya juga layak dan sesuai.

### ***Ketua pegawai eksekutif***

- 5.19 Pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar hendaklah melantik seorang ketua pegawai eksekutif yang layak dan sesuai, dan bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan keseluruhan operasi entiti.
- 5.20 Pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar hendaklah mendapatkan kelulusan SKP sebelum pelantikan melantik ketua pegawai eksekutif.
- 5.21 Dalam menilai permohonan pelantikan ketua pegawai eksekutif menurut seksyen 46(1)(a)(ii) atau 63(1)(b) AKP, mengikut mana-mana yang berkenaan, SKP akan mempertimbangkan rasional pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar dalam memilih calon, khususnya dari segi keupayaan dan kecekapan calon untuk memimpin sesebuah entiti. SKP juga boleh menemuduga calon yang dicadangkan semasa proses ini. Sekiranya pelantikan diluluskan, SKP boleh mengenakan syarat-syarat tertentu bagi pelantikan tersebut yang difikirkan bersesuaian.
- 5.22 Sekiranya jawatan ketua pegawai eksekutif menjadi kosong, entiti berlesen atau berdaftar mesti mengisi jawatan tersebut **dalam tempoh empat bulan** dari tarikh kekosongan.
- 5.23 Sekiranya berlaku kekosongan atau dijangka berlaku kekosongan jawatan ketua pegawai eksekutif, entiti berlesen atau berdaftar perlu mengenal pasti individu yang berkelayakan dan berpengalaman yang sesuai untuk mengambil alih peranan dan tanggungjawab sebagai ketua pegawai eksekutif dengan segera serta memaklumkan SKP tentang aturan interim.

### ***Individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan***

- 5.24 Pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar hendaklah pada setiap masa mempunyai seseorang yang bertanggungjawab terhadap pematuhan untuk—
- (a) memastikan pematuhan terhadap AKP, peraturan, standard atau garis panduan, serta kehendak pengawalseliaan lain yang terpakai kepada perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit; dan
  - (b) bertindak sebagai pegawai penghubung utama dengan SKP.
- 5.25 Seseorang yang bertanggungjawab terhadap pematuhan mesti dikenal pasti daripada pengurusan kanan pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar, selain daripada ketua pegawai eksekutif.
- 5.26 Sekiranya individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan memegang pelbagai peranan, pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar mesti memastikan bahawa individu tersebut mampu melaksanakan pelbagai peranan dengan berkesan dan tidak wujud konflik kepentingan untuk individu tersebut berbuat demikian.

## **Pengurusan konflik kepentingan**

- 5.27 Sekiranya pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar berhasrat untuk menjalankan lebih daripada satu jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, atau gabungan kedua-duanya, entiti mesti menunjukkan keupayaan dan kapasitinya untuk berbuat demikian. Hal ini termasuk memastikan segala dasar dan prosedur yang diperlukan untuk menguruskan pelbagai perniagaan dalam entiti secara berkesan. Entiti mesti melaksanakan prosedur dan kawalan yang mencukupi untuk menguruskan dan mengurangkan apa-apa potensi konflik yang mungkin timbul.
- 5.28 Entiti berlesen atau berdaftar mesti menyediakan dasar dan prosedur yang efektif untuk memastikan operasi dan urusan perniagaannya dengan pengguna kredit bebas daripada sebarang konflik kepentingan, sama ada sebenar, tanggapan, atau berpotensi. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang kesan negatif terhadap pengurusan entiti yang berhemat atau layanan yang tidak adil kepada pengguna kredit.
- 5.29 Dasar dan prosedur ini hendaklah merangkumi perkara berikut:
- (a) Pengenalpastian keadaan yang melibatkan konflik kepentingan sebenar, yang dianggap wujud, atau yang berpotensi timbul daripada operasi perniagaan dan urusan dengan pengguna kredit;
  - (b) Aturan tadbir urus, pihak yang meluluskan, atau kawalan khusus untuk menguruskan konflik kepentingan;
  - (c) Latihan yang mencukupi kepada semua pekerja dan wakil berkenaan prosedur pencegahan risiko dan tindakan yang sesuai dalam mengendalikan konflik; dan
  - (d) Pewujudan protokol penyimpanan rekod yang berkesan bagi semua penilaian konflik kepentingan, keputusan pengurusan, dan tindakan mitigasi, untuk memastikan rekod tersebut tepat, lengkap, dan boleh disediakan kepada SKP apabila diminta.

### ***Ketahui lebih lanjut tentang...***

#### **Menguruskan konflik kepentingan**

Konflik kepentingan berlaku apabila seseorang individu atau entiti mempunyai kepentingan yang bersaing sehingga boleh menjejaskan keupayaannya untuk membuat keputusan secara berkecuali, yang berpotensi memudaratkan pengguna kredit. Situasi ini boleh berlaku apabila individu atau entiti memegang pelbagai peranan atau menjalankan pelbagai perniagaan yang boleh mewujudkan unsur berat sebelah, sehingga menyebabkan keputusan yang dibuat tidak selaras dengan kepentingan terbaik untuk semua pihak yang terlibat.

#### **Pelbagai peranan**

Seseorang individu yang memegang mana-mana dua peranan berikut akan mewujudkan konflik kepentingan dan harus dielakkan:

- Pegawai yang bertanggungjawab bagi kelulusan pinjaman dan pengawasan pematuhan mungkin menghadapi kesukaran untuk mengekalkan sikap berkecuali dan bertanggungjawab secara keseluruhan dengan berkesan.
- Individu yang ditugaskan untuk memastikan pematuhan terhadap pengawalseliaan tidak sepatutnya bertanggungjawab dalam memacu atau meningkatkan jualan syarikat, kerana situasi ini boleh mewujudkan risiko pelanggaran pematuhan diabaikan demi meningkatkan jualan dan prestasi perniagaan.

#### **Pelbagai perniagaan**

Walaupun gabungan perniagaan pemberian kredit dan perkhidmatan kaunseling dan pengurusan hutang tidak dilarang dari segi prinsip, aturan sedemikian mempunyai cabaran tersendiri dalam mengekalkan prinsip *arm's length principle* dan memastikan layanan yang adil kepada pengguna. Entiti mesti menguruskan cabaran ini yang timbul daripada dua peranan sebagai pemberi kredit serta memperoleh pendapatan daripada perkhidmatan kaunseling dan pengurusan hutang. Dasar, prosedur, dan kawalan dalaman yang menyeluruh untuk mengenal pasti, mencegah, dan mengurangkan konflik kepentingan mesti dilaksanakan secara proaktif, dengan tujuan memastikan pemantauan yang berkesan serta semakan berkala bagi menunjukkan komitmen entiti terhadap amalan pasaran dan perlindungan pengguna yang kukuh.

## 6. Kehendak khusus mengikut jenis perniagaan

### Am

- 6.1 Suatu pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar mesti menyediakan dasar dan prosedur khusus mengikut jenis perniagaan. Walaupun bidang yang dinyatakan dalam Senarai 3 tidak menyeluruh, dasar dan prosedur yang dinyatakan mesti dikemukakan sebagai sebahagian daripada permohonan pelesenan atau pendaftaran.

### Senarai 3: Dasar dan prosedur

Bil.	Bidang	Perniagaan kredit (termasuk perniagaan kredit Islam)			Perniagaan perkhidmatan kredit		
		BNPL	Pemfaktoran	Pemajakan	Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas	Pemungutan hutang	Kaunseling dan pengurusan hutang
1.	Pemasaran dan promosi	•	•	•			•
2.	Ketelusan dan pendedahan maklumat	•	•	•	•	•	•
3.	Kadar faedah atau keuntungan, fi dan caj	•	•	•	•	•	•
4.	Penilaian kelayakan kredit dan/atau kemampuan <sup>6</sup> berhutang	•	•	•			
5.	Pemungutan hutang	•	•	•	•	•	•
6.	Bantuan kesusahan kewangan	•	•	•	•		
7.	Pengendalian aduan	•	•	•	•	•	•
8.	Perlindungan data pengguna kredit	•	•	•	•	•	•
9.	Kerangka teknologi	•	•	•	•	•	•
10.	Pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML / CFT)		•	•			
11.	Pengurusan konflik kepentingan <sup>7</sup>	•	•	•	•	•	•
12.	Tadbir urus Shariah <sup>8</sup>	•	•	•	•		

<sup>6</sup> Terpakai kepada entiti yang menggunakan model data alternatif bagi penilaian kemampuan berhutang.

<sup>7</sup> Terpakai kepada pihak yang mencetuskan kehendak menurut perenggan 5.26 dan/atau 5.27.

<sup>8</sup> Terpakai kepada pemberi kredit Islam dan pemeroleh portfolio pembiayaan Islam terjejas.

## 7. Kehendak khusus untuk perniagaan kredit Islam

7.1 Bab ini terpakai kepada semua pemberi kredit Islam, tanpa mengira bentuk penubuhan atau struktur operasi, melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Kehendak dalam Bab ini merupakan tambahan kepada kriteria pelesenan dan pendaftaran serta obligasi berkaitan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Standard Pelesenan dan Pendaftaran.

### Kriteria pelesenan dan pendaftaran

#### Kehendak organisasi

#### ***Penubuhan atau struktur entiti***

7.2 Pemberi kredit Islam hanya boleh menjalankan perniagaan kredit Islam dalam salah satu bentuk penubuhan atau struktur berikut:

- (a) Entiti sepenuhnya yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan kredit Islam secara eksklusif<sup>9</sup> (“pemberi kredit Islam sepenuhnya”); atau
- (b) Pemberi kredit konvensional berlesen yang diluluskan untuk menjalankan perniagaan kredit Islam di samping perniagaan konvensionalnya (“pemberi kredit konvensional yang menjalankan perniagaan kredit Islam” atau *Islamic window credit provider*, IWCP).

7.3 Pemberi kredit berlesen yang menjalankan perniagaan kredit konvensional secara eksklusif dilarang daripada menggunakan frasa dalam namanya yang memberikan gambaran bahawa ia menjalankan perniagaan kredit Islam.

7.4 Suatu IWCP mesti memastikan ia tidak memberikan gambaran bahawa keseluruhan entiti perniagaannya adalah patuh Syariah secara sepenuhnya. IWCP tidak boleh menggunakan strategi penjenamaan yang menyatakan pematuhan sepenuhnya (pada peringkat entiti) terhadap prinsip Syariah atau memberikan gambaran bahawa ia adalah suatu pemberi kredit Islam sepenuhnya. Hal ini bagi memastikan pengguna kredit dan pihak berkepentingan memahami dengan jelas berhubung skop penawaran patuh Syariah oleh IWCP berkenaan.

#### ***Kehendak pengemukaan permohonan***

7.5 Entiti yang berhasrat untuk menjadi pemberi kredit Islam mesti mengemukakan permohonan untuk menjalankan perniagaan kredit Islam, berserta dengan maklumat dan dokumen berikut, jika berkenaan, kepada SKP melalui Sistem CORE:

#### **Bagi pemberi kredit Islam sepenuhnya dan IWCP**

- (a) Syor cadangan nilai dan produk patuh Syariah yang akan ditawarkan;
- (b) Penasihat Syariah atau ahli jawatankuasa Syariah yang dilantik;
- (c) Cadangan penggunaan dana, termasuk pelaburan dalam instrumen patuh Syariah;
- (d) Pelan untuk memastikan pematuhan penuh dan berterusan terhadap kehendak tadbir urus Syariah; dan

<sup>9</sup> Sesuatu entiti sedemikian tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan kredit konvensional, sama ada dilesenkan oleh SKP atau oleh mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan dan penyeliaan lain seperti perniagaan pemberi pinjaman wang konvensional yang dilesenkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

- (e) Pelan pembangunan kapasiti untuk menyokong pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, khususnya bagi penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah.

**Bagi IWCP sahaja**

- (f) Kaedah pengasingan dana operasi patuh Shariah daripada dana operasi konvensional; dan
- (g) Pelan infrastruktur dan logistik yang akan dibangunkan oleh IWCP untuk menjalankan operasi perniagaan patuh Shariah, termasuk butiran tentang pengaturan perkhidmatan berkongsi (*shared services arrangements*) dan dokumentasi yang terpakai.

**Obligasi selepas kebenaran**

**Pematuhan Shariah secara menyeluruh (*end-to-end*)**

- 7.6 Pemberi kredit Islam mesti memastikan pematuhannya kepada Shariah pada setiap masa, termasuklah pematuhan kepada nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Shariah ("MPS") BNM yang berkenaan.
- 7.7 Pemberi kredit Islam mesti memastikan bahawa perniagaan kredit, hal ehwal, dan aktivitiya mematuhi Shariah pada setiap masa melalui penubuhan mekanisme dan kawalan yang berkesan. Pematuhan kepada kehendak Shariah ini mestilah secara menyeluruh,<sup>10</sup> sebelum pemberi kredit Islam tersebut boleh menjenamakan entitinya atau operasi perniagaannya sebagai sebuah perniagaan kredit Islam.
- 7.8 Berhubung dengan perenggan 7.7, pemberi kredit Islam mesti membangunkan dasar dalaman berkaitan dengan pematuhan Shariah dalam setiap aspek perniagaannya, termasuk aspek tadbir urus, infrastruktur dan pembangunan produk. Dasar tersebut hendaklah merangkumi antara lain, langkah-langkah untuk menangani risiko ketidakpatuhan Shariah<sup>11</sup> berhubung dengan perniagaan kredit, hal ehwal dan aktivitiya.

<sup>10</sup> Dari segi skop, bagi pemberi kredit Islam sepenuhnya, kehendak pematuhan Shariah secara menyeluruh adalah pada peringkat entiti. Manakala bagi IWCP pula, kehendak pematuhan Shariah secara menyeluruh adalah pada peringkat operasi perniagaan patuh Shariahnya.

<sup>11</sup> "Risiko ketidakpatuhan Shariah" merujuk kepada risiko dikenakan sekatan undang-undang atau pengawalseliaan, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuklah keterjejasan reputasi, yang mungkin dialami oleh pemberi kredit Islam akibat kegagalan mematuhi keputusan dan nasihat yang diterbitkan oleh MPS BNM, peraturan berkaitan perkara Shariah yang ditetapkan menurut seksyen 122(2)(b) AKP dan standard berkaitan perkara Shariah yang diterbitkan oleh SKP menurut seksyen 123(2)(a) AKP, atau keputusan atau nasihat oleh penasihat/jawatankuasa Shariahnya.

***Ketahui lebih lanjut tentang...***

**Pematuhan Shariah secara menyeluruh (*end-to-end*)**

**IWCP**

Dalam memastikan pembentukan mekanisme yang berkesan untuk menyokong pematuhan Shariah secara menyeluruh dalam pelaksanaan operasi perniagaan patuh Shariahnya, sesebuah IWCP boleh mempertimbangkan untuk membangunkan perkara berikut:

- (a) pelan perniagaan bagi operasi perniagaan patuh Shariah yang merangkumi unjuran pertumbuhan perniagaan dan kewangan, serta segmen pasaran sasaran dan penawaran produk, yang hendaklah disepadukan dengan strategi perniagaan dan risiko keseluruhan pemberi kredit berlesen tersebut;
- (b) dasar dan prosedur dalaman termasuk pembangunan sistem dan produk, pemasaran, pemprosesan, pembangunan perniagaan, pelaporan dan kawalan kredit, dengan memberi penekanan kepada pematuhan kehendak khusus berkaitan operasi perniagaan patuh Shariahnya. Dasar dan prosedur dalaman tersebut juga hendaklah disokong oleh proses tadbir urus Shariah yang mencukupi; dan
- (c) pekerja yang berkelayakan dan berpengetahuan, serta mahir dalam pentadbiran dan penawaran pembiayaan patuh Shariah.

- 7.9 Pemberi kredit Islam mesti memastikan bahawa sumber pembiayaannya (ekuiti dan hutang) distrukturkan dengan cara yang patuh Shariah.
- 7.10 Berhubung dengan perenggan 7.5(f), sesebuah IWCP dilarang daripada mencampurkan dana antara operasi perniagaan patuh Shariah dan konvensionalnya.
- 7.11 Pemberi kredit Islam mesti mengemukakan representasi daripada penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariahnya setiap tahun, bagi mengesahkan pematuhannya terhadap kehendak Shariah. Sekiranya pemberi kredit Islam menyedari bahawa mana-mana bahagian perniagaannya dijalankan dengan cara yang tidak selaras dengan kehendak Shariah, pemberi kredit Islam tersebut hendaklah mengemukakan kepada SKP butiran pelanggaran serta langkah pembetulan yang telah ataupun yang akan diambil.

### **Ketahui lebih lanjut tentang...**

#### **Larangan mencampur adukkan dana**

Selaras dengan prinsip Shariah, mencampur adukkan dana antara operasi perniagaan patuh Shariah dan konvensional adalah dilarang. Hal ini bermaksud modal dan aliran tunai operasi perniagaan kredit Islam tidak boleh digunakan untuk membiayai aset konvensional atau apa-apa tujuan lain yang tidak mematuhi Shariah. Prinsip ini telah ditetapkan oleh sekumpulan sarjana Islam terkemuka yang dipilih oleh Bank Negara Malaysia semasa inisiatif memperkenalkan kaunter perbankan Islam pada tahun 1991. Para sarjana tersebut menegaskan bahawa sesuatu bank konvensional yang operasinya berasaskan faedah (*interest*) tidak dilarang daripada menjalankan perniagaan perbankan Islam, dengan syarat operasi perbankan konvensional tersebut, termasuk pengumpulan dan penggunaan dana, dapat diasingkan dengan sewajarnya daripada dana yang dikumpul dan digunakan bagi perniagaan perbankan Islam. Para sarjana juga menegaskan bahawa prinsip ini berasaskan kaedah fiqh: "**sesuatu yang tidak dapat dicapai sepenuhnya, tidak seharusnya ditinggalkan sepenuhnya**", walaupun ianya tidak mungkin mencapai objektif Islam yang ideal (iaitu mewujudkan sebuah sistem kewangan Islam sepenuhnya).

Pengasingan dana (*ringfencing*) ini memerlukan pemberi kredit berlesen yang menjalankan perniagaan kredit Islam melalui model IWCP supaya sentiasa mengasingkan dana operasi perniagaan patuh Shariah daripada dana operasi konvensional.

Pengasingan dana mesti dilaksanakan oleh IWCP melalui pewujudan perkara berikut:

- (a) sebuah Dana Perniagaan Kredit Islam (yang merupakan modal separa atau *quasi-capital*) atau ICBF untuk membiayai operasi perniagaan patuh Shariah (perenggan 7.16 hingga 7.20); dan
- (b) penandaan (*tagging*) operasi perniagaan patuh Shariah dalam sistem dan kawalan pemberi kredit berlesen tersebut (perenggan 7.21 hingga 7.23).

### **Perlindungan kewangan bagi kemudahan kredit Islam**

- 7.12 Bagi kemudahan kredit Islam yang memerlukan perlindungan kewangan, pemberi kredit Islam mestilah menawarkan perlindungan takaful sebagai pilihan pertama kepada pengguna kredit.
- 7.13 Jika pengguna kredit memutuskan untuk memasukkan kos perlindungan takaful sebagai sebahagian daripada kemudahan kredit Islam, pemberi kredit Islam hanya dibenarkan untuk memasukkan sumbangan takaful itu sebagai sebahagian daripada kemudahan tersebut.
- 7.14 Sekiranya pengguna kredit memilih perlindungan insurans bagi kemudahan kredit Islam, pemberi kredit Islam tidak boleh memasukkan premium insurans itu sebagai sebahagian daripada kemudahan kredit tersebut.<sup>12</sup>
- 7.15 Tanpa mengetepikan perenggan 7.14, bagi kemudahan *ijarah*, sekiranya pengguna kredit memilih perlindungan insurans berdasarkan keadaan yang ditentukan oleh MPS BNM, kos premium insurans boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada kemudahan *ijarah*.

<sup>12</sup> Perlindungan insurans bagi pembiayaan Islam dikategorikan sebagai *Hajah* Jenis 2 dalam [Dokumen Dasar Hajah dan Darurah](#) yang diterbitkan oleh BNM pada 3 Januari 2024.

### ***Ketahui lebih lanjut tentang...***

#### **Perlindungan kewangan bagi kemudahan kredit Islam**

MPS BNM, dalam mesyuaratnya yang ke-41 pada 8 Mac 2004 dan mesyuarat ke-43 pada 29 April 2004, telah memutuskan perkara berikut:

- (a) Bagi pakej pembiayaan Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan, institusi kewangan Islam (*Islamic financial institutions*, IFI) hendaklah menawarkan pelan takaful sebagai pilihan pertama kepada pelanggan yang memohon pembiayaan Islam yang memerlukan perlindungan. Jika pelanggan menolak pelan takaful atas sebab-sebab tertentu, pelanggan boleh memilih mana-mana insurans konvensional mengikut kehendaknya. Pengecualian sedemikian hanya diberikan dengan mengambil kira faktor berikut:
  - (i) Premium insurans tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan;
  - (ii) Ketiadaan kepakaran takaful bagi sektor atau kelas tertentu dalam insurans; atau
  - (iii) Permohonan pelanggan ditolak oleh syarikat takaful atas alasan tertentu.
- (b) Bagi pakej pembiayaan Islam yang merangkumi amaun caruman perlindungan, IFI hendaklah memastikan bahawa hanya pelan takaful digunakan untuk membiayai pembiayaan Islam tersebut. Premium insurans konvensional tidak boleh dimasukkan dalam pakej pembiayaan Islam; dan
- (c) Sekiranya pelanggan yang mengambil perlindungan insurans konvensional untuk pembiayaan Islam meninggal dunia atau mengalami apa-apa musibah yang menyebabkan beliau tidak mampu membayar pembiayaan tersebut, IFI berhak menerima pampasan daripada insurans konvensional tersebut.

MPS BNM dalam mesyuaratnya yang ke-181 pada 27 Oktober 2017 turut memutuskan bahawa bagi tahun pertama pembiayaan *ijarah*, IFI hendaklah memastikan takaful ditawarkan sebagai pilihan perlindungan pertama. IFI juga dikehendaki menggalakkan langganan takaful pada tahun kedua pembiayaan dan tahun-tahun berikutnya. Pelanggan diberikan fleksibiliti untuk mengambil perlindungan insurans dalam keadaan berikut:

- (a) Perlindungan takaful tidak ditawarkan bagi sektor atau kelas tertentu;
- (b) Tiada pengendali takaful sedia ada yang meluluskan permohonan perlindungan takaful oleh pelanggan tersebut; atau
- (c) Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding takaful.

MPS BNM juga bersetuju bahawa dalam kes di mana perlindungan insurans dilanggan berdasarkan keadaan di atas, amaun premium insurans boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada jumlah pembiayaan *ijarah*.

### **Dana Perniagaan Kredit Islam**

- 7.16 Berhubung dengan perenggan 7.9 dan 7.10, IWCP mesti menubuhkan Dana Perniagaan Kredit Islam (*Islamic Credit Business Fund, ICBF*), yang hendaklah—
- (a) dibiayai daripada dana modal pemberi kredit berlesen dan mana-mana sumber dana patuh Shariah yang lain; dan
  - (b) diasingkan daripada dana modal pemberi kredit berlesen bagi operasi perniagaan patuh Shariahnya.
- 7.17 IWCP mesti memastikan bahawa ICBF diasingkan dengan jelas daripada dana modal yang ditetapkan bagi operasi konvensional dan tidak boleh diperuntukkan semula untuk membiayai operasi konvensional.
- 7.18 Pendapatan yang dijana daripada operasi perniagaan patuh Shariah mesti dikekalkan dalam ICBF dan tidak boleh digunakan bagi tujuan membiayai operasi konvensional.
- 7.19 IWCP mesti menggunakan ICBF untuk menampung semua perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi perniagaan patuh Shariahnya, melainkan jika perenggan 7.20 terpakai.
- 7.20 Tanpa mengetepikan perenggan 7.19, IWCP boleh memanfaatkan pengaturan perkhidmatan berkongsi (*shared services arrangements*) entiti bagi tujuan perkongsian sumber antara operasi patuh Shariah dan konvensional dalam entiti tersebut.<sup>13</sup>

### **Sistem dan kawalan**

- 7.21 IWCP mesti mempunyai kawalan dalaman untuk memastikan keberkesanan operasi patuh Shariah dan pematuhannya terhadap kehendak Shariah, undang-undang dan pengawalseliaan.
- 7.22 IWCP mesti memastikan bahawa sistem pelaporan dapat menangani pengasingan antara urus niaga perniagaan kredit Islam dan konvensional.
- 7.23 IWCP mesti memastikan pelaporan kewangan dan pendedahan maklumat yang sewajarnya bagi operasi patuh Shariahnya.

<sup>13</sup> Hal ini merangkumi infrastruktur, kepakaran dan rangkaian kongsi (perkhidmatan fizikal dan teknologi) yang bertujuan menyediakan persediaan yang lebih ringkas dan kos efektif dalam menjalankan operasi perniagaan patuh Shariah.

## Tadbir urus Shariah

- 7.24 Struktur tadbir urus Shariah yang diinstitusikan memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan Shariah secara menyeluruh bagi operasi pemberi kredit Islam. Oleh itu, pemberi kredit Islam mesti memastikan bahawa pengatur tadbir urus Shariah beroperasi secara berkesan dan sepadan dengan saiz, sifat perniagaan, kerumitan aktiviti, dan struktur organisasinya. Pemberi kredit Islam hendaklah memastikan penyelarasan yang sewajarnya dalam menggalakkan dan melaksanakan pematuhan Shariah.
- 7.25 Pemberi kredit Islam dikehendaki untuk—
- (a) melantik penasihat<sup>14</sup> Shariah dalaman atau luaran yang berkelayakan dalam bidang Shariah; atau
  - (b) menubuhkan sebuah jawatankuasa Shariah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli di mana, majoriti ahli jawatankuasa ini, termasuklah Pengerusi, mestilah terdiri daripada individu yang berkelayakan dalam bidang Shariah,
- untuk menasihati lembaga pengarah dan pengurusan kanan tentang perkara berkaitan Shariah bagi memastikan pematuhan Shariah secara menyeluruh.
- 7.26 SKP akan mempertimbangkan individu yang dilantik sebagai penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah yang diiktiraf bagi pemberi kredit Islam berkenaan, selagi mana pendaftaran mereka dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau kelulusan oleh BNM sebagai penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah masih sah. Bagi penasihat Shariah individu, mereka juga perlu berdaftar dengan Persatuan Penasihat Shariah Kewangan Islam Malaysia (*Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia, ASAS*).
- 7.27 Pemberi kredit Islam kekal bertanggungjawab terhadap pelantikan penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah, dan mesti pada setiap masa memastikan kelayakan dan kewajaran pihak yang dilantik.
- 7.28 Sekiranya pemberi kredit Islam melantik penasihat Shariah luar atau menubuhkan sebuah jawatankuasa Shariah, ia mestilah—
- (a) memastikan bahawa penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariah dilantik dan terlibat secara berterusan pada setiap masa, dengan menyediakan sokongan nasihat yang berterusan bagi operasi patuh Shariah, dan peranan mereka tidak dihadkan kepada kelulusan penstrukturan produk secara sekali (*a one-off product structuring approval*) sahaja; dan
  - (b) menugaskan sekurang-kurangnya seorang pegawai dalaman untuk memberikan sokongan yang diperlukan dan berperanan sebagai pegawai penghubung utama kepada penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariah. Pemberi kredit Islam mestilah mematuhi prinsip tadbir urus yang baik dalam menugaskan pegawai penghubung tersebut, dengan memastikan terdapatnya pemisahan yang jelas antara fungsi kerja nasihat dan peranan sokongan berhubung perkara Shariah. Peranan pegawai penghubung ini hendaklah terhad kepada fungsi pentadbiran atau kesetiausahaan

<sup>14</sup> Termasuk penyumberan luar kepada kumpulan syarikat.

semata-mata, tanpa sebarang penglibatan dalam tugas penyelidikan atau kerja nasihat Shariah, bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan serta tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti penasihat Shariah luaran atau jawatankuasa Shariah yang dilantik.

- 7.29 Berhubung dengan perenggan 7.28(b), pegawai penghubung yang ditugaskan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan sokongan operasi dan pentadbiran kepada penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariah, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan fungsi mereka. Sokongan operasi tersebut termasuklah—
- (a) menyelaraskan komunikasi dan menyampaikan maklumat dalam kalangan penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah, lembaga pengarah dan pengurusan kanan; dan
  - (b) memastikan keputusan atau nasihat penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariah disampaikan dengan sewajarnya.
- 7.30 Tanggungjawab penasihat Shariah atau ahli jawatankuasa Shariah yang dilantik berhubung dengan perkara berkaitan Shariah, antara lain, termasuk—
- (a) memastikan pematuhan terhadap prinsip Shariah: mengesahkan bahawa operasi perniagaan tersebut tidak melibatkan sebarang unsur yang bercanggah dengan Shariah, setelah dipastikan sedemikian. Hal ini termasuklah memastikan bahawa sumber pembiayaan serta dasar dalaman, prosedur, kawalan dan infrastruktur diselaraskan dengan pertimbangan Shariah, dan juga produk atau penawaran kredit adalah mematuhi keputusan Shariah yang dikeluarkan oleh MPS BNM;
  - (b) melaksanakan pertimbangan yang menyeluruh dan memberikan panduan: meneliti semua perkara berkaitan Shariah secara terperinci, dan dalam kes jawatankuasa Shariah, bermesyuarat serta bermuzakarah dalam kalangan ahli sebelum membuat sebarang keputusan untuk menasihati lembaga pengarah atau pengurusan kanan pemberi kredit Islam;
  - (c) mengemas kini dan melaporkan kepada lembaga pengarah pemberi kredit Islam secara berkala: memastikan lembaga pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai sebarang perubahan dalam keputusan Shariah yang berkaitan, risiko pematuhan yang baru timbul, serta status keputusan yang berkaitan Shariah. Hal ini termasuklah mengemukakan laporan berkala mengenai penemuan audit Shariah, struktur tadbir urus dan cadangan penambahbaikan;
  - (d) meluluskan produk dan dasar, termasuk variasi kepada produk sedia ada, serta pengenalan produk dan dasar baharu: menilai dan memperakukan mana-mana produk atau dasar kredit baharu sebelum diperkenalkan bahawa produk atau dasar tersebut adalah selaras dengan Shariah, bagi memastikan pematuhan kepada Shariah; dan
  - (e) berhubung dengan insiden ketidakpatuhan Shariah:
    - (i) meneliti dan mengesahkan insiden ketidakpatuhan Shariah;
    - (ii) memperakukan langkah pembetulan bagi menangani insiden ketidakpatuhan Shariah; dan
    - (iii) membuat keputusan atau memberikan nasihat berkenaan perkara yang perlu dibangkitkan kepada MPS BNM.

### BAHAGIAN III: PENGISYTIHARAN MENURUT SEKSYEN 79 AKP

#### 8. Ketidakpakaian kehendak pelesenan atau pendaftaran

- 8.1 Bagi tujuan Bab ini, "PMK" merujuk kepada perusahaan mikro atau kecil, seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 4 AKP.
- 8.2 Kehendak pelesenan atau pendaftaran tidak terpakai kepada entiti yang menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit apabila—
  - (a) entiti tersebut disenaraikan dalam Jadual 5 AKP; atau
  - (b) entiti tersebut tidak melibatkan pengguna kredit dalam perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kreditnya.
- 8.3 Suatu entiti yang menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang tidak melibatkan pengguna kredit mesti, menurut seksyen 79(2) AKP, mengemukakan perisytiharan kepada SKP yang menyatakan bahawa—
  - (a) pada masa pengisytiharan dibuat, entiti tidak menyediakan kredit kepada pengguna kredit seperti yang ditakrifkan dalam AKP;
  - (b) entiti akan mengemukakan perisytiharan menurut seksyen 79(2) AKP secara tahunan; dan
  - (c) entiti akan mendapatkan kebenaran daripada SKP terlebih dahulu sekiranya berhasrat untuk menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang melibatkan pengguna kredit.
- 8.4 Entiti yang mengemukakan perisytiharan menurut seksyen 79(2) AKP mesti memberikan SKP apa-apa maklumat yang diminta dalam tempoh yang ditentukan oleh SKP.
- 8.5 Pengisytiharan menurut seksyen 79(2) AKP mesti dibuat melalui Sistem CORE.

***Ketahui lebih lanjut tentang...***

**Ketidakkapaian kehendak pelesenan dan pendaftaran**

Dalam menjalankan perniagaan kredit, entiti-entiti dalam senario berikut tidak akan tertakluk kepada kehendak pelesenan SKP:

**Senario 1: Pelanggan Entiti X terdiri sepenuhnya daripada PMK di mana semua kemudahan kreditnya melebihi RM300,000**

- Entiti X tidak perlu memohon lesen daripada SKP untuk menjalankan perniagaan kredit kerana jumlah kredit yang diberikan melebihi amaun yang ditetapkan untuk PMK menurut Perintah Kredit Pengguna (Penetapan Amaun Kredit bagi Perusahaan Mikro atau Kecil) 2026.
- Daripada dilesenkan, Entiti X hendaklah mengemukakan pengisytiharan kepada SKP sebagaimana dinyatakan di perenggan 8.3.
- Sekiranya Entiti X memutuskan untuk menawarkan pinjaman berjumlah RM300,000 atau kurang kepada mana-mana PMK, Entiti X perlu mendapatkan lesen daripada SKP.

**Senario 2: Pelanggan Entiti Y terdiri sepenuhnya daripada perusahaan sederhana dan syarikat besar**

Entiti Y tidak tertakluk kepada kehendak pelesenan kerana perusahaan sederhana dan besar tidak termasuk dalam takrif "pengguna kredit" dalam AKP, tanpa mengira amaun kredit yang diberikan.

## BAHAGIAN IV: PROSES PERMOHONAN

### 9. Proses permohonan pelesenan dan pendaftaran

- 9.1 Untuk memudahkan proses permohonan pelesenan atau pendaftaran, pemohon mesti—
- (a) memahami dengan teliti kehendak AKP, peraturan, Standard Pelesenan dan Pendaftaran, Standard Pelakuan dan apa-apa kehendak pengawalseliaan lain yang terpakai kepada perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit;
  - (b) memahami sepenuhnya bagaimana kehendak pelesenan dan pendaftaran terpakai kepada perniagaan, dan obligasi yang timbul sebagai entiti berlesen atau berdaftar, memastikan sistem dan proses yang bersesuaian sedia ada untuk memenuhi obligasi tersebut;
  - (c) menunjukkan dengan jelas—
    - (i) kecekapan dan kesediaan untuk menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit ; dan
    - (ii) keupayaan untuk mematuhi semua kehendak yang berkenaan;
  - (d) memastikan pengemukaan, termasuk semua dokumen sokongan adalah lengkap, tepat, dan sah, serta mematuhi arahan dan kehendak dalam borang permohonan; dan
  - (e) dapat memberikan penjelasan dalam tempoh yang ditentukan oleh SKP untuk menyokong permohonan.

#### **Pendedahan layak dan sesuai**

- 9.2 Pemohon dikehendaki memastikan setiap individu utama (pengawal pemegang saham, pengarah, dan pengurusan kanan, termasuk ketua pegawai eksekutif dan individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan) mengisi borang pendedahan layak dan sesuai (*fit and proper disclosure form*) sebagaimana ditentukan oleh SKP, dan borang tersebut mesti disimpan sebagai sebahagian daripada rekod pengemukaan dalaman. Borang tersebut mesti dilengkapkan dan ditandatangani oleh semua individu utama dalam masa 30 hari kalendar sebelum tarikh pengemukaan permohonan.
- 9.3 Pemohon mesti menyerahkan semua item yang diminta, termasuk borang pendedahan layak dan sesuai yang asal, dalam tempoh yang ditentukan oleh SKP.

#### **Pengemukaan permohonan**

- 9.4 Pemohon mesti melengkapkan dan mengemukakan permohonan, berserta dengan dokumen sokongan dan fi pemrosesan yang diperlukan melalui Sistem CORE.

#### **Penilaian permohonan**

- 9.5 Proses penilaian hanya bermula setelah menerima pengemukaan permohonan yang lengkap. Tempoh penilaian mungkin berbeza berdasarkan faktor seperti kualiti penyerahan, respons dan kerjasama pemohon, dan apa-apa perubahan penting yang dibuat oleh pemohon selepas penyerahan.
- 9.6 SKP boleh memulangkan permohonan sekiranya tidak lengkap, ada kekurangan, atau mengandungi isu penting yang belum diselesaikan.

- 9.7 Setelah semua jurang, isu atau kesilapan yang dikenal pasti diperbetulkan, pemohon mesti mengemukakan semula permohonan **dalam tempoh 90 hari** dari tarikh pemulangan, bagi pertimbangan dan pemprosesan lanjut oleh SKP. Jika permohonan tidak dikemukakan semula dalam tempoh tersebut, fi pemprosesan akan dilucuthakkan, dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu dan membayar fi pemprosesan bagi permohonan tersebut sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kredit Pengguna (Fi) 2026.
- 9.8 SKP akan mempertimbangkan sama ada pemohon telah memenuhi kriteria pelesenan atau pendaftaran yang dinyatakan dalam Bahagian II Standard ini. SKP boleh mendapatkan penjelasan atau meminta maklumat tambahan tentang permohonan tersebut.
- 9.9 Apabila permintaan dibuat oleh SKP, pemohon mesti memberikan maklumat yang diminta dalam tempoh yang ditetapkan oleh SKP. Penilaian akan ditangguhkan sehingga pemohon memberi maklum balas kepada permintaan tersebut.
- 9.10 Kegagalan mengemukakan maklumat yang diminta dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan proses permohonan luput.
- 9.11 Pemohon yang masih ingin meneruskan permohonan pelesenan atau pendaftaran boleh mengemukakan permohonan baharu berserta fi pemprosesan yang ditetapkan. Proses penilaian akan bermula pada tarikh penyerahan permohonan baharu yang lengkap.

#### **Keputusan permohonan**

- 9.12 Setelah proses penilaian selesai, SKP akan memaklumkan keputusan melalui Sistem CORE dengan mana-mana satu keputusan yang berikut:
- (a) Kelulusan permohonan, melalui pemberian lesen atau pendaftaran;
  - (b) Kelulusan bersyarat, di mana SKP boleh meluluskan permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang hendaklah dipenuhi oleh pemohon dalam tempoh masa yang ditentukan oleh SKP; atau
  - (c) Penolakan permohonan, di mana pemohon dilarang membuat permohonan semula bagi jenis perniagaan yang sama dalam tempoh bertenang selama enam bulan.
- 9.13 Dalam keadaan apabila permohonan pelesenan atau pendaftaran ditarik balik oleh pemohon sebelum keputusan dibuat oleh SKP, penarikan balik tersebut mesti disertakan dengan penjelasan bertulis.
- 9.14 Selepas penarikan balik permohonan, pemohon mesti mematuhi tempoh bertenang selama enam bulan, di mana pengemukakan semula permohonan baharu adalah dilarang.

## 10. Prosedur penyerahan

- 10.1 SKP menghendaki semua penyerahan dan surat-menyurat pengawalseliaan, termasuk permohonan pelesenan atau pendaftaran dan pengisytiharan menurut seksyen 79(2) AKP, dibuat melalui Sistem CORE. Penyerahan mesti dibuat selaras dengan borang digital yang berkaitan, berserta dengan dokumen sokongan seperti yang ditentukan oleh SKP, jika berkenaan.
- 10.2 Sistem CORE ialah platform pengawalseliaan digital yang menyediakan borang elektronik dan perkhidmatan penyerahan bagi peserta industri dan peserta baharu. Bertujuan untuk menggalakkan pendigitalan dan memperkemas proses tanpa kertas, sistem ini menawarkan fungsi seperti penyerahan elektronik borang berasaskan sesawang (*web-based forms*) bagi permohonan pelesenan dan pendaftaran, pengisytiharan, notis, dan lain-lain pemfailan pengawalseliaan secara dalam talian. Di samping itu, sistem ini juga menyediakan kemudahan membuat pembayaran fi yang berkaitan secara elektronik. Sistem ini juga mempunyai saluran komunikasi dua hala untuk memudahkan interaksi yang cekap dan siaran hebahan industri.
- 10.3 Semua pemohon, entiti berlesen atau berdaftar, dan pengisytihar menurut seksyen 79(2) AKP (secara kolektif dirujuk sebagai “pengguna Sistem CORE”) mesti mewujudkan akaun pengguna untuk mengakses Sistem CORE dan bersetuju mematuhi terma dan syarat sepanjang menggunakan sistem ini. Terma penggunaan Sistem CORE boleh didapati di <https://core.skp.gov.my>.
- 10.4 Sebelum membuat penyerahan, pengguna Sistem CORE mesti mengesahkan bahawa semua maklumat dan dokumen sokongan adalah sah, tepat dan lengkap.
- 10.5 Penyerahan yang diperlukan melalui Sistem CORE tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Butiran lanjut tentang Sistem CORE, termasuk senarai penyerahan dan prosedur pembukaan akaun, boleh didapati di laman sesawang SKP di [www.skp.gov.my](http://www.skp.gov.my).
- 10.6 Sekiranya berlaku gangguan atau Sistem CORE tidak dapat diakses selama lebih daripada lima hari kalendar, pengguna Sistem CORE mesti membuat penyerahan melalui e-mel kepada SKP. Arahan penyerahan boleh didapati di laman sesawang SKP.
- 10.7 Semua permohonan, notis, atau pengisytiharan yang dikemukakan kepada SKP, sama ada di peringkat entiti atau individu, mestilah diluluskan oleh pihak pelulus dalaman yang berkenaan. Bukti kelulusan tersebut mesti diberikan kepada SKP apabila diminta. Entiti yang membuat penyerahan mesti mengekalkan rekod lengkap setiap penyerahan, termasuk semua material sokongan dan bukti kelulusan.
- 10.8 Entiti berlesen atau berdaftar mesti memastikan data peribadi sentiasa dikemas kini dengan mengemukakan borang berkaitan melalui Sistem CORE dalam tempoh yang ditetapkan dalam perenggan 13.3.

- 10.9 SKP boleh mendedahkan data peribadi kepada agensi penguatkuasaan undang-undang dan badan kerajaan lain di dalam atau di luar Malaysia sekiranya dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang atau menurut aturan bantuan pengawalseliaan atau penyiasatan.
- 10.10 Semua komunikasi berkaitan dengan penyerahan mesti berlaku secara langsung antara SKP dengan entiti yang membuat penyerahan, khususnya individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan atau, dalam hal pengisytiharan menurut seksyen 79(2) AKP, ketua pegawai eksekutif. Entiti yang membuat penyerahan dikehendaki bekerjasama rapat dengan individu utama sedia ada atau bakal individu utama, sama ada korporat atau individu, untuk memastikan mereka dimaklumkan tentang semua komunikasi daripada SKP dan maklumat yang diberikan sah, tepat dan lengkap.
- 10.11 Pendekatan yang digariskan dalam perenggan 10.10 memastikan ketepatan dan mengelakkan pemberian maklumat yang salah daripada individu utama yang sedia ada atau bakal individu utama. SKP boleh menghubungi individu utama yang berkaitan secara langsung seperti yang dikehendaki apabila perlu.

## 11. Kehendak kesahihan, ketepatan dan kesempurnaan penyerahan

- 11.1 Mana-mana individu yang mengemukakan kepada SKP sebarang kenyataan, maklumat atau bahan (secara kolektif dirujuk sebagai “representasi”), sama ada secara langsung atau tidak langsung, melalui apa-apa kaedah atau dalam apa-apa bentuk, mesti memastikan bahawa representasi tersebut adalah sah, tepat, dan lengkap.
- 11.2 SKP boleh pada bila-bila masa meminta apa-apa representasi, dan pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar mesti memenuhi permintaan tersebut dalam tempoh yang ditentukan. SKP boleh mempertimbangkan faktor lain yang berkaitan atau mengenakan kehendak tambahan yang dianggap wajar.
- 11.3 Pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar, berserta dengan ketua pegawai eksekutif dan individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan, mesti bertanggungjawab untuk memastikan kesahihan, ketepatan, dan kesempurnaan semua maklumat yang dikemukakan kepada SKP.
- 11.4 Berhubung dengan apa-apa penyerahan kepada SKP, pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar mesti memastikan bahawa—
  - (a) semua pihak berkaitan telah memberikan kebenaran bagi penyerahan butiran atau rekod mereka; dan
  - (b) SKP dimaklumkan dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan atau perkembangan dalam keadaan atau maklumat berkaitan penyerahan yang boleh menjejaskan penilaian atau keputusan. Obligasi ini termasuk mendedahkan apa-apa maklumat yang boleh menjejaskan kelayakan dan kesesuaian individu utama secara material.
- 11.5 Setelah entiti berlesen atau berdaftar, maklumat berkaitan entiti tersebut akan disiarkan dalam daftar awam entiti berlesen atau berdaftar di laman sesawang SKP, dengan semua maklumat tersebut diperoleh daripada Sistem CORE.
- 11.6 Entiti berlesen atau berdaftar mesti pada setiap masa memastikan kesahihan, ketepatan, dan kesempurnaan semua data di peringkat entiti dan individu dalam akaun entiti di Sistem CORE. Apa-apa percanggahan data, kesilapan atau perubahan mesti diperbetulkan dengan segera melalui penyerahan borang yang sepatutnya.

## BAHAGIAN V: OBLIGASI PASCA PELESENAN DAN PENDAFTARAN

### 12. Syarat-syarat pelesenan atau pendaftaran

- 12.1 SKP boleh memberi lesen atau pendaftaran kepada entiti tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan sesuai menurut seksyen 42(2) dan 59(2) AKP. SKP juga boleh menambah, meminda, mengubah, menarik balik, mengetepikan, atau membatalkan apa-apa syarat sebagaimana difikirkan sesuai.
- 12.2 Entiti berlesen atau berdaftar mesti pada setiap masa:
- (a) memastikan entiti dan individu utamanya kekal layak dan sesuai. Entiti berlesen atau berdaftar mesti segera memaklumkan SKP secara bertulis apabila menyedari apa-apa maklumat yang boleh menjejaskan kelayakan dan kesesuaian individu utamanya;
  - (b) mematuhi AKP, peraturan, standard atau garis panduan, dan kehendak pengawalseliaan lain;
  - (c) menjalankan perniagaan yang dilesenkan atau didaftarkan secara adil, bertanggungjawab, dan profesional;
  - (d) memastikan maklumat berkaitan entiti sentiasa dikemas kini melalui Sistem CORE;
  - (e) memastikan kakitangannya cukup—
    - (i) diselia dalam pelaksanaan tugas masing-masing; dan
    - (ii) diberikan latihan untuk melaksanakan tugas dengan kemahiran dan tahap kepakaran yang diperlukan; dan
  - (f) memastikan semua rekod berkaitan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit disimpan sekurang-kurangnya selama tujuh tahun, termasuk rekod yang mencukupi untuk menerangkan urus niaga berkaitan pengguna kredit serta sebarang nasihat yang diberikan berkaitan perjanjian kredit, jika berkenaan.
- 12.3 Berhubung dengan kehendak kewangan minimum yang dinyatakan dalam Bab 5:
- (a) Sekiranya berlaku potensi pelanggaran, entiti berlesen atau berdaftar mesti segera memaklumkan SKP secara bertulis, termasuk langkah pembetulan untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap ambang kewangan.
  - (b) Sekiranya berlaku pelanggaran sebenar, entiti berlesen atau berdaftar tidak boleh meneruskan perniagaan berlesen atau berdaftar tanpa persetujuan daripada SKP terlebih dahulu sebagaimana diperuntukkan menurut seksyen 44(3) dan 61(3) AKP.
- 12.4 Apabila memohon untuk mendapatkan persetujuan menurut perenggan 12.3(b), entiti berlesen atau berdaftar mesti mengemukakan penjelasan terperinci kepada SKP tentang pelanggaran kehendak ambang kewangan serta langkah pembetulan yang telah diambil atau akan diambil untuk menangani pelanggaran melalui penyerahan borang yang sepatutnya melalui Sistem CORE.

## 13. Penyerahan pasca pelesenan dan pendaftaran

- 13.1 Entiti berlesen atau berdaftar dikehendaki mematuhi obligasi berterusan, termasuk penyerahan data dan pemberitahuan kepada SKP, serta mendapatkan kelulusan daripada SKP bagi perkara tertentu terlebih dahulu.

### Perkara yang memerlukan kelulusan terlebih dahulu

- 13.2 Entiti berlesen atau berdaftar mesti mendapatkan kelulusan SKP terlebih dahulu bagi cadangan berikut:
- (a) Apa-apa perubahan pemilikan entiti berlesen atau berdaftar yang akan mengakibatkan perubahan secara langsung atau tidak langsung terhadap pengawal pegangan saham;
  - (b) Pelantikan ketua pegawai eksekutif;
  - (c) Penambahan sesuatu perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit;
  - (d) Penukaran lesen daripada konvensional kepada patuh Syariah, atau sebaliknya;
  - (e) Apa-apa perubahan material terhadap model perniagaan berkaitan jenis perniagaan yang dibenarkan; dan
  - (f) Penamatan perniagaan melalui penyerahan secara sukarela lesen atau pembatalan pendaftaran secara sukarela.

### Perkara yang memerlukan pemberitahuan

- 13.3 Entiti berlesen atau berdaftar mesti memaklumkan SKP tentang perkara berikut **dalam tempoh 14 hari kalendar** dari tarikh kejadian:
- (a) Perubahan yang dilaksanakan susulan kelulusan yang diberikan menurut perenggan 13.2, khususnya perubahan pemilikan dan pelantikan ketua pegawai eksekutif;
  - (b) Perubahan pemilikan entiti berlesen atau berdaftar yang tidak mengakibatkan perubahan secara langsung atau tidak langsung terhadap pengawal pegangan saham;
  - (c) Perubahan butiran entiti, termasuk nama entiti, maklumat hubungan, akhir tahun kewangan, dan butiran pemegang saham korporat;
  - (d) Penubuhan, penempatan semula, dan penutupan sesuatu cawangan;
  - (e) Penubuhan perniagaan baharu, pemerolehan saham, atau pelupusan perniagaan atau saham di dalam atau di luar Malaysia;
  - (f) Pelantikan pengarah atau pengurusan kanan, termasuk individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan;
  - (g) Perubahan butiran individu bagi pemegang saham individu dan individu utama;
  - (h) Pemberhentian pengarah atau pengurusan kanan, termasuk ketua pegawai eksekutif dan individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan;
  - (i) Pelantikan dan pemberhentian penasihat Syariah atau mana-mana ahli jawatankuasa Syariah;
  - (j) Apa-apa aturan penyumberluaran sebaik sahaja perjanjian tahap perkhidmatan ditandatangani dengan pemberi perkhidmatan;
  - (k) Perubahan material terhadap mana-mana dasar dan prosedur yang digariskan dalam Senarai 3; dan
  - (l) Apa-apa perkara lain atau perubahan material sebagaimana ditetapkan oleh SKP, termasuk yang mungkin timbul selepas kelulusan lembaga pengarah tetapi sebelum pelaksanaan perubahan tersebut.

### Pemfailan berkala dan penyerahan maklumat *ad hoc*

13.4 Entiti berlesen atau berdaftar mesti mengemukakan data yang dinyatakan dalam Senarai 4 secara berkala, mengikut format dan mengikut tarikh akhir penyerahan sebagaimana yang telah ditentukan oleh SKP. Data yang diperlukan dalam Senarai 4 adalah tidak terhad dan boleh dilengkapkan dengan maklumat tambahan sebagaimana diminta oleh SKP secara *ad hoc*.

#### Senarai 4: Pemfailan berkala kepada SKP

Bil.	Kehendak data	Perniagaan kredit termasuk perniagaan kredit Islam			Perniagaan perkhidmatan kredit		
		BNPL	Pemfaktoran	Pajakan	Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan boleh jejas	Kutipan hutang	Kaunseling dan pengurusan hutang
<b>A. Penyerahan tahunan</b> yang mesti dibuat <b>dalam tempoh enam bulan</b> selepas tamat setiap tahun kewangan							
1.	Penyata kewangan teraudit (termasuk laporan juruaudit yang ditandatangani sewajarnya oleh juruaudit bebas)	•	•	•	•	•	•
<b>B. Penyerahan suku</b> tahunan yang mesti dibuat <b>dalam tempoh 30 hari kalendar</b> selepas tamat setiap suku tahun							
2.	Bilangan pengguna kredit	•	•	•	•	•	•
3.	Jumlah dan nilai urus niaga	•					
4.	Pembiayaan tertunggak	•	•	•			
5.	Pembiayaan terjejas dan tak membayar	•	•	•			
6.	Aset hutang bermasalah, termasuk kos pemerolehan dan nilai buku hutang				•		
7.	Penyerahan hutang ( <i>debt assignments</i> )					•	
8.	Hutang yang berjaya dan tidak berjaya dipulihkan bagi pihak pelanggan					•	
9.	Pembiayaan yang diluluskan melalui pelan pembayaran balik						•
10.	Fi pelanggan atau fi pemulihan kos pengurusan hutang						•
11.	Permohonan bantuan kesulitan kewangan	•	•	•	•		
<b>C. Penyerahan bulanan</b> yang mesti dibuat dalam <b>tempoh 14 hari kalendar</b> selepas tamat setiap bulan							
12.	Bilangan aduan yang masih tertunggak dan telah diselesaikan terhadap entiti berlesen atau berdaftar	•	•	•	•	•	•

- 13.5 Entiti berlesen atau berdaftar mesti mengemukakan pendedahan tahunan selewat-lewatnya **pada hari terakhir bulan Februari** setiap tahun, bagi mengesahkan pematuhan terhadap kehendak tertentu. Hal ini termasuk kelayakan dan kewajaran individu utama dan, bagi entiti yang menjalankan perniagaan kredit Islamik, pematuhan terhadap kehendak Shariah.
- 13.6 Semua pemberi kredit berlesen dan pemeroleh pinjaman atau pembiayaan terjejas berdaftar mesti mengemukakan, **secara bulanan**, kedua-dua maklumat kredit positif dan negatif semua pengguna kredit kepada agensi pelaporan kredit atau pangkalan data kredit berpusat yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan dan penyeliaan yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

#### **Permintaan lanjutan tempoh atau perubahan kehendak**

- 13.7 Entiti berlesen atau berdaftar yang berhasrat untuk memohon lanjutan tempoh untuk mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana ditetapkan oleh SKP, atau memohon perubahan kehendak sedemikian, mesti mengemukakan suatu permohonan. Permohonan ini mesti disertakan dengan justifikasi dan apa-apa dokumen sokongan berkaitan, berserta dengan bayaran fi sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Kredit Pengguna (Fi) 2026. Sekiranya kehendak tersebut terikat dengan masa, permohonan mesti dikemukakan **selewat-lewatnya 14 hari kalendar sebelum tamat tempoh** yang ditetapkan untuk dipertimbangkan oleh SKP.
- 13.8 Perubahan sesuatu kehendak yang ditetapkan oleh SKP hanya boleh diberikan secara berkecuali sekiranya SKP berpuas hati bahawa—
- (a) perubahan tersebut tidak bercanggah dengan tujuan asal peruntukan berkaitan; atau
  - (b) terdapat faktor mitigasi yang mewajarkan pengecualian atau perubahan.

## BAHAGIAN VI: FI

### 14. Fi perlu dibayar

- 14.1 Fi yang perlu dibayar kepada SKP adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kredit Pengguna (Fi) 2026. Semua fi mesti dibayar sepenuhnya tepat pada masanya dan tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).
- 14.2 Fi pemrosesan sebanyak RM2,000 mesti dibayar berserta penyerahan permohonan pelesenan atau pendaftaran bagi setiap jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit.
- 14.3 Entiti berlesen atau berdaftar dikehendaki membayar fi tahun permulaan yang berkenaan bagi jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang diluluskan sebagaimana digariskan dalam Senarai 5.

#### Senarai 5: Fi tahun permulaan

Bil.	Fi	Tarikh akhir bayaran
(a)	RM8,000 bagi setiap lesen untuk menjalankan perniagaan kredit	Dalam tempoh 30 hari dari kelulusan permohonan pelesenan atau pendaftaran
(b)	RM5,000 bagi setiap pendaftaran untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan kredit	

- 14.4 Fi tahun permulaan bagi lesen atau pendaftaran ditentukan berdasarkan tarikh kelulusan. Permohonan yang diluluskan antara 1 Januari dan 30 Jun dikenakan fi penuh, manakala permohonan yang diluluskan antara 1 Julai hingga 31 Disember akan dikenakan 50% daripada jumlah fi.
- 14.5 Selepas bayaran fi permulaan dibuat, butiran berkaitan entiti dan status lesen atau pendaftarannya akan dipaparkan di laman sesawang SKP.
- 14.6 Sekiranya fi permulaan tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan pelesenan atau pendaftaran oleh SKP akan luput.
- 14.7 Entiti berlesen atau berdaftar dikehendaki membayar fi tahunan yang berkenaan bagi jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit, mengikut tarikh akhir bayaran yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Senarai 6.

**Senarai 6: Fi pelesenan dan pendaftaran tahunan**

Bil.	Fi	Tarikh akhir bayaran															
(a)	<p>Fi pelesenan tahunan mengikut julat hasil sebagaimana dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan kredit berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Skim BNPL</li> <li>(ii) Pemajakan</li> <li>(iii) Pemfaktoran</li> <li>(iv) Skim BNPL Islam</li> <li>(v) Pemajakan Islam</li> <li>(vi) Pemfaktoran Islam</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Julat hasil (RM)</th> <th>Fi tahunan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>&lt;3 juta</td> <td>8,000</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>3 juta hingga &lt;15 juta</td> <td>20,000</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>15 juta hingga &lt;50 juta</td> <td>40,000</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>≤ 50 juta</td> <td>100,000</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Julat hasil (RM)	Fi tahunan (RM)	1	<3 juta	8,000	2	3 juta hingga <15 juta	20,000	3	15 juta hingga <50 juta	40,000	4	≤ 50 juta	100,000	Pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun
Kategori	Julat hasil (RM)	Fi tahunan (RM)															
1	<3 juta	8,000															
2	3 juta hingga <15 juta	20,000															
3	15 juta hingga <50 juta	40,000															
4	≤ 50 juta	100,000															
(b)	<p>Fi pendaftaran tahunan mengikut julat hasil sebagaimana dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan kredit berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pemungutan hutang</li> <li>(ii) Pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas</li> <li>(iii) Kaunseling dan pengurusan hutang</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Julat hasil (RM)</th> <th>Fi tahunan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>&lt;3 juta</td> <td>5,000</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>3 juta hingga &lt;15 juta</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>15 juta hingga &lt;50 juta</td> <td>25,000</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>≤ 50 juta</td> <td>50,000</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Julat hasil (RM)	Fi tahunan (RM)	1	<3 juta	5,000	2	3 juta hingga <15 juta	12,000	3	15 juta hingga <50 juta	25,000	4	≤ 50 juta	50,000	Pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun
Kategori	Julat hasil (RM)	Fi tahunan (RM)															
1	<3 juta	5,000															
2	3 juta hingga <15 juta	12,000															
3	15 juta hingga <50 juta	25,000															
4	≤ 50 juta	50,000															

- 14.8 Fi pelesenan dan pendaftaran tahunan ditentukan berdasarkan hasil yang dilaporkan dalam penyata kewangan teraudit terkini yang dikemukakan kepada SKP. Entiti berlesen atau berdaftar mesti memberikan pecahan hasil yang jelas secara khusus berkaitan dengan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit.

Sekiranya pecahan tersebut tidak dinyatakan dalam penyata kewangan teraudit, suatu penyerahan berasingan hendaklah dibuat:


- (a) Bagi entiti yang mempunyai hasil yang berkenaan sebanyak RM3 juta dan ke atas: Pecahan hasil mesti disahkan oleh juruaudit luaran; atau
- (b) Bagi entiti yang mempunyai hasil yang berkenaan kurang daripada RM3 juta: Pecahan boleh disahkan oleh ketua pegawai eksekutif.

Pengesahan tersebut hendaklah dikemukakan kepada SKP melalui borang berkaitan dalam Sistem CORE.

**Ketahui lebih lanjut tentang...**

**Fi tahun permulaan dan fi tahunan**

Pada 1 Jun 2026, Entiti A menerima kelulusan daripada SKP untuk dilesenkan bagi perniagaan BNPL. Garis masa berikut menggambarkan peristiwa penting berkaitan dengan fi tahunan:



- A 15 Jun 2026:** Entiti A membayar fi permulaan sebanyak RM8,000 sebelum tarikh akhir 30 hari, dan Entiti A diberikan lesen.
- B 28 Februari 2027:** Entiti A membayar fi tahunan Kategori 1 berikutan penyata kewangan teraudit masih belum tersedia.<sup>^</sup>
- C 30 September 2027:** Entiti A menyerahkan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan 2026. Hasil sebanyak RM5 juta daripada perniagaan BNPL meletakkan Entiti A dalam julat hasil Kategori 2. Oleh itu, Entiti A dikehendaki membayar fi tahunan sebanyak RM20,000 selewat-lewatnya pada 29 Februari 2028.
- D 29 Februari 2028:** Entiti A membayar fi tahunan.

<sup>^</sup> Menurut seksyen 248 Akta Syarikat 2016, Entiti A, yang ditubuhkan pada tahun 2026, diberikan tempoh 18 bulan dari tarikh pemerbadanan untuk menyediakan penyata kewangan.

14.9 Kegagalan membayar fi tahunan dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan fi pembayaran lewat sebanyak RM500 dikenakan bagi setiap bulan kalendar, tanpa mengira bilangan hari atau tempoh kelewatan dalam bulan tersebut.


### ***Ketahui lebih lanjut tentang...***

#### **Fi bayaran lewat**

Entiti B dilesenkan untuk menjalankan perniagaan BNPL dan melaporkan hasil sebanyak RM15 juta bagi tahun kewangan terkini. Fi tahunan sebanyak RM40,000 perlu dibayar selewat-lewatnya pada 28 Februari, namun Entiti B gagal membuat bayaran tepat pada masanya.

Oleh itu, Entiti B dikehendaki membayar fi tahunan yang tertunggak berserta dengan fi bayaran lewat sebanyak RM500 bagi setiap bulan yang terlewat, tanpa mengira bilangan hari yang terlewat.

Entiti B membayar pada 10 April, maka pembayaran tersebut dianggap lewat selama dua bulan, seperti yang ditunjukkan di bawah:



Amaun keseluruhan yang perlu dibayar kepada SKP dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah perlu dibayar} &= \text{Fi Kategori 3} + (\text{Fi bayaran lewat} \times 2 \text{ bulan}) \\ &= \text{RM}40,000 + (\text{RM}500 \times 2) \\ &= \text{RM}40,000 + \text{RM}1,000 \\ &= \text{RM}41,000 \end{aligned}$$

- 14.10 Entiti berlesen atau berdaftar dikehendaki membayar fi yang ditetapkan bagi permohonan yang dikemukakan kepada SKP bagi suatu pelanjutan masa atau suatu pengubahan pemakaian kehendak.

#### **Senarai 7: Fi pelanjutan masa dan pengubahan kehendak**

<b>Bil.</b>	<b>Fi</b>	<b>Kaedah pembayaran</b>
(a)	RM500 bagi lanjutan masa untuk memenuhi kehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SKP	Semasa mengemukakan permohonan kepada SKP
(b)	RM800 bagi pengubahan pemakaiankehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SKP	

### 15. Pembatalan atau penggantungan lesen dan pendaftaran

- 15.1 Suatu lesen atau pendaftaran hendaklah disifatkan telah dibatalkan sekiranya entiti berlesen atau berdaftar digulungkan atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
- 15.2 SKP boleh membatalkan atau menggantung suatu lesen atau pendaftaran sekiranya—
- (a) wujud alasan untuk penolakan mengikut seksyen 43 dan 60 AKP;
  - (b) entiti berlesen atau berdaftar telah melanggar mana-mana peruntukan AKP, atau telah melanggar mana-mana kehendak menurut AKP atau apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh SKP;
  - (c) entiti berlesen atau berdaftar telah gagal atau berhenti menjalankan semua atau sebahagian jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang diberi kuasa bagi tempoh tiga bulan berturut-turut;
  - (d) entiti berlesen atau berdaftar telah gagal mematuhi apa-apa terma atau syarat berhubung dengan lesen atau pendaftaran, atau apa-apa perintah atau arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh SKP; atau
  - (e) entiti berlesen atau berdaftar telah gagal membayar apa-apa amaun kena dibayar dan terhutang kepada SKP dalam tempoh ditetapkan, termasuk fi lesen atau pendaftaran tahunan yang ditetapkan, penalti bayaran lewat bagi fi pelesenan dan pendaftaran, dan penalti monetari pentadbiran.
- 15.3 Setelah suatu lesen atau pendaftaran dibatalkan atau digantung, entiti itu mesti segera berhenti menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit<sup>15</sup>, mengikut mana-mana yang berkenaan.

<sup>15</sup> Menurut seksyen 52(3) dan 69(3) AKP, pembatalan atau penggantungan suatu lesen atau pendaftaran tidak akan mengelak atau menjejaskan mana-mana perjanjian, perkiraan, atau transaksi yang dibuat oleh pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar dengan mana-mana orang sebelum tindakan itu. Tindakan sedemikian tidak akan menjejaskan apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang timbul daripada perjanjian, perkiraan, atau transaksi tersebut.

## 16. Pemberhentian perniagaan

- 16.1 Suatu pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar yang bercadang untuk berhenti menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit mesti mengemukakan permohonan kepada SKP bagi pemberhentian tersebut.
- 16.2 Sebelum perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit diberhentikan, entiti berlesen atau berdaftar mesti—
  - (a) membuat aturan yang mencukupi untuk memenuhi semua obligasi tertunggak berhubung dengan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit; dan
  - (b) mendapatkan kelulusan daripada SKP bagi pemberhentian perniagaan, di mana selepas itu lesen atau pendaftaran untuk menjalankan perniagaan tersebut akan tamat.

## LAMPIRAN: KRITERIA MINIMUM LAYAK DAN SESUAI

Kriteria minimum layak dan sesuai (*fit and proper*) terpakai kepada pemohon atau entiti berlesen atau berdaftar serta individu utama di dalam atau di luar Malaysia:

Individu utama terdiri daripada-

- (a) pengawal pegangan saham korporat (*corporate controllers*); dan
- (b) individu atau orang perseorangan, iaitu pengawal pegangan saham individu (*individual controllers*), pengarah, dan pengurusan kanan, termasuk ketua pegawai eksekutif dan individu yang bertanggungjawab terhadap pematuhan.

1. Entiti tidak dalam proses penggulungan atau selainnya dibubarkan.
2. Individu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan.
3. Tiada pelaksanaan terhadap entiti atau individu utama berhubung dengan suatu hutang penghakiman yang dikembalikan secara tidak dipenuhi sepenuhnya atau sebahagian.
4. Seorang penerima, penerima dan pengurus, atau orang yang setaraf dengannya yang belum dilantik berkenaan dengan mana-mana harta entiti.
5. Entiti atau individu utama tidak membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa.
6. Entiti dan mana-mana individu utama—
  - (a) tidak pernah disabitkan dengan suatu kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud, ketidakjujuran, atau keganasan, atau suatu sabitan yang melibatkan dapatan bahawa entiti atau individu tersebut bertindak secara fraud atau tidak jujur;
  - (b) tidak disabitkan dengan suatu kesalahan menurut mana-mana undang-undang berkaitan pengadaan perkhidmatan kewangan atau pengurusan suatu entiti;
  - (c) tidak pernah melanggar mana-mana peruntukan menurut mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang pada pandangan SKP digubal bagi melindungi orang awam daripada kerugian kewangan akibat ketidakjujuran, ketidakcekapan atau salah laku oleh individu berkenaan dalam pengadaan perkhidmatan kewangan atau pengurusan suatu entiti;
  - (d) tidak pernah tertakluk kepada mana-mana—
    - (i) siasatan atau pertuduhan jenayah di mana-mana mahkamah undang-undang bagi kesalahan yang melibatkan rasuah, penipuan, ketidakjujuran, keganasan, atau salah urus suatu entiti;
    - (ii) kompaun yang dikeluarkan atau apa-apa tindakan pentadbiran yang diambil oleh pengawal selia atau agensi penguatkuasaan bagi kesalahan yang melibatkan rasuah, penipuan, ketidakjujuran, keganasan atau salah urus suatu entiti;
    - (iii) tindakan penguatkuasaan sivil di mana-mana mahkamah undang-undang oleh pengawal selia atau agensi penguatkuasaan undang-undang; atau

- (iv) kehilangan kelayakan mana-mana individu utama daripada memegang jawatan sebagai pengarah menurut undang-undang berkaitan industri perkhidmatan kewangan atau undang-undang perbadanan;
  - (e) tidak pernah terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang pada pandangan SKP bersifat menipu atau menindas atau selainnya tidak wajar, sama ada menyalahi undang-undang atau tidak, atau yang mendatangkan kesangsian pada kaedah pengendalian perniagaannya; atau
  - (f) tidak pernah terlibat dalam atau dikaitkan dengan apa-apa amalan perniagaan lain atau sebaliknya sendiri berkelakuan sedemikian rupa sehingga menimbulkan keraguan terhadap kecekapan dan kewarasan pertimbangannya.
7. SKP tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa entiti atau mana-mana individu utama mungkin tidak dapat bertindak demi kepentingan awam, dengan mengambil kira reputasi, perwatakan, integriti kewangan, dan kebolehpercayaan masing-masing.
  8. SKP berpuas hati dengan kedudukan kewangan entiti atau cara perniagaan entiti akan dijalankan.
  9. SKP berpuas hati dengan rekod prestasi masa lalu atau kepakaran terdahulu entiti atau individu utama, dengan mengambil kira sifat perniagaan yang akan dijalankan oleh entiti tersebut, atau sifat tugas yang akan dilaksanakan oleh individu utama berhubung dengan pelesenan atau pendaftaran entiti tersebut.
  10. SKP berpuas hati dengan kelayakan pendidikan atau kelayakan lain, atau pengalaman individu utama dengan mengambil kira sifat tugas yang akan dilaksanakannya berkaitan perniagaan tersebut.
  11. Tiada keadaan lain yang berkemungkinan—
    - (a) menyebabkan pengendalian perniagaan secara tidak wajar oleh entiti atau mana-mana individu utama; atau
    - (b) mendatangkan kesangsian dari segi cara pengendalian perniagaan entiti berlesen atau berdaftar, atau mana-mana individu yang diambil bekerja oleh atau berkaitan dengannya.
  12. SKP tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa entiti atau mana-mana individu utamanya tidak akan menjalankan perniagaan secara adil, bertanggungjawab atau profesional.

**Halaman ini sengaja dibiarkan kosong**